

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JUNE 2017

## Penafian Tun M jumpa pegawai AS meragukan - Mahdzir

um-21/6/2017 ps. 14

**PADANG TERAP 20 Jun** - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menafikan pernah mengadakan pertemuan dengan pegawai Amerika Syarikat berhubung saman sivil yang dibuat Jabatan Kehakiman (DoJ) negara terbabit berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah meragukan dan boleh dipertikai.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, pengakuan yang dibuat Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu lebih bersifat penafian kerana secara terang-terangan dua orang kanannya terlibat dalam hal tersebut.

Katanya, bekas Naib Ketua Bahagian UMNO Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan peguam yang pernah menjadi Setiausaha Politik Dr. Mahathir, Matthias Chang secara umum memaklumkan pergi ke Amerika Syarikat untuk melaporkan hal 1MDB.

"Mahathir mengaku beliau tidak pernah berjumpa dengan mana-mana pegawai Amerika Syarikat berkaitan saman sivil



**MAHDZIR KHALID** menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada Pengasas Sekolah Menengah Agama Amadiyah Kuala Nerang, Datuk Ahmad Mohd. Noor dalam Majlis Sumbangan kepada Cawangan-cawangan dan AJK 4P Bahagian di Baitunnur Batu 19, Kuala Nerang, Kedah, semalam. - BERNAMA

tersebut sedangkan dua orang kanannya iaitu Khairuddin dan Matthias mengaku mahu melaporkan hal negara termasuk kes 1MDB kepada DoJ.

"Walaupun Mahathir kata tidak buat (mendapatkan campur tangan asing) tapi pembabit

Khairuddin dan Matthias, boleh diibaratkan beliau yang buat.

"Saya lihat terdapat usaha daripada kumpulan tertentu di Malaysia yang mahu menjatuhkan kredibiliti Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sekali gus memberi kesan buruk

pada Barisan Nasional (BN) dan UMNO," katanya ketika ditemui dalam majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 2017 di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr. Mahathir yang menegaskan dirinya tidak pernah berjumpa dengan mana-mana pegawai Amerika Syarikat berhubung saman sivil itu ketika diwawancara Channel News Asia, baru-baru ini dan disiarkan di portal *Malaysiakini*.

Terdahulu, beliau hadir dalam majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 2017 oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri merangkap Timbalan Ketua UMNO Bahagian Padang Terap, Datuk Seri Ghazali Ibrahim kepada 3,200 penerima dari 143 kampung dalam daerah Padang Terap.

Menurut Mahdzir yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, usaha kumpulan tertentu yang memburuk-burukkan Malaysia di luar negara juga boleh dilihat bertujuan untuk memberi kerosakan yang teruk kepada BN khususnya UMNO.